


KEMENTERIAN DIGITAL

PELAN STRATEGIK

KEMENTERIAN DIGITAL 2024-2025

KEMENTERIAN DIGITAL

PELAN STRATEGIK KEMENTERIAN DIGITAL
2024-2025

Hak cipta terpelihara Kementerian Digital, 2024

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian daripada bahan cetakan ini atau memindahkannya ke dalam sebarang bentuk melalui sebarang cara, sama ada secara elektronik atau mekanik, termasuk fotokopi, rakaman, atau sebarang bentuk penyimpanan maklumat dan sistem menyalin, sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Kementerian Digital.

Diterbitkan oleh:

Kementerian Digital
Aras 13, 14 dan 15, Blok Menara
Menara Usahawan
No.18, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 Wilayah Persekutuan Putrajaya, Malaysia

KANDUNGAN

PELAN STRATEGIK KEMENTERIAN DIGITAL
2024-2025

Muka surat

Senarai Singkatan ii-iii

Bab 1: Sekilas Pandang

- Latar Belakang 1
- Perutusan Menteri Digital 2
- Perutusan Ketua Setiausaha Kementerian Digital 3
- Ringkasan Eksekutif 4

Bab 2: Pengenalan

- Sejarah Penubuhan 7
- Pengurusan Tertinggi 8
- Carta Organisasi 9
- Carta Fungsi 10-11
- Fungsi dan Peranan 13
- Jabatan dan Agensi 14
- Punca Kuasa dan Akta 15
- Pihak Berkepentingan, Pelanggan dan Rakan Strategik 16

Bab 3: Penjajaran Strategik

- Penjajaran Strategik dengan Agenda Global dan Nasional 18-22
- *Snapshot* Prestasi Digital Negara 23
- Isu dan Cabaran 24

Bab 4: Hala Tuju Strategik

- Pengenalan 26
- Pemangkin Strategik 27-29
- Visi dan Misi 30
- Tonggak Utama 31
- Prinsip Panduan Strategik 32
- Hala Tuju Strategik 33
- Kerangka Strategik 34
- Teras Strategik 35-64
- Program Keutamaan 66

Bab 5: Penutup

- Pendigitalan Negara 68

SENARAI SINGKATAN

AI	Artificial Intelligence
CDL	Cultivating Digital Leaders
CNII	The Critical National Information Infrastructure
CSM	CyberSecurity Malaysia
DDI	Domestic Direct Investment
DNB	Digital Nasional Berhad
DRSA	Data Raya Sektor Awam
DTP	Digital Train and Place
EDL	Empowering Digital Leaders
EDLP	Executive Digital Leadership Program
EGDI	E-Government Development Index
FDI	Foreign Direct Investment
FOX	Founders Centre of Excellence
GAIN	The Global Acceleration and Innovation Network
GII	Global Innovation Index
ICT	Information and Communications Technology
IoT	Internet of Things
JDN	Jabatan Digital Negara
JPDP	Jabatan Perlindungan Data Peribadi
KD	Kementerian Digital
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
KPI	Key Performance Indicator
LLM	Large Language Model (LLM)
MED4IRN	Majlis Ekonomi Digital dan Revolusi Perindustrian Keempat Negara
MDEC	Malaysia Digital Economy Corporation
MTCP	Malaysia Technical Cooperation Program
MyCentre4IR	Malaysia Centre for 4IR
MyDIGITAL	MyDIGITAL Corporation
MYDX	Malaysia Directory Exchange
MyGDX	Malaysia Government Central Data Exchange
MYNIC	MYNIC Berhad

SENARAI SINGKATAN

NETR	National Energy Transition Roadmap (Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga)
NIMP 2030	New Industrial Master Plan 2023
NAIO	Pejabat Kecerdasan Buatan Kebangsaan
OSI	Online Service Index
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PMKS	Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana
PPUU	Pejabat Penasihat Undang-Undang
PSUK	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
RDCI	Research, Development, Commercialization and/or Innovation
RMKe-12	Rancangan Malaysia ke-12
RTEDM	Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia
SDG	Sustainable Development Goals
TS	Teras Strategik
UKK	Unit Komunikasi Korporat
WEF	World Economy Forum
4IR	Revolusi Perindustrian Keempat

BAB 1:
SEKILAS PANDANG

Latar Belakang

Perubahan landskap dalam teknologi maklumat telah mengubah corak penyampaian perkhidmatan awam. Transformasi digital Malaysia telah bermula sejak tahun 1996 apabila Multimedia Super Corridor (MSC) diwujudkan di Cyberjaya. Sehingga kini, pelbagai dasar berkaitan pendigitalan telah dikeluarkan, antaranya ialah Data Raya Sektor Awam (DRSA) pada tahun 2013, Pelan Hala Tuju Strategik Internet of Things (IoT) pada tahun 2015 dan yang terkini ialah Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia, Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Malaysia serta Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025.

Justeru, Kementerian Digital telah ditubuhkan melalui penstrukturan semula pentadbiran kerajaan oleh YAB Perdana Menteri pada 12 Disember 2023 bagi menerajui agenda pendigitalan negara supaya tidak ketinggalan dan dapat bersaing pantas dengan negara lain dalam bidang digital. Penubuhan Kementerian Digital membolehkan Malaysia memberi fokus kepada agenda pendigitalan supaya program digital dapat dilaksanakan dengan lebih drastik dan agresif bagi mengurangkan jurang teknologi untuk bersaing pada peringkat dunia dalam aspek sosial, ekonomi dan penyampaian perkhidmatan awam.

Kementerian ini akan menerajui pendigitalan negara secara holistik bagi mempertingkatkan daya saing, inklusiviti dan daya tahan pendigitalan negara berasaskan tiga tonggak utama yang menjadi tunjang kepada pembentukan Negara Digital, iaitu Kerajaan Digital, Ekonomi Digital dan Masyarakat Digital. Ketiga-tiga tonggak utama ini akan memacu kecekapan penyampaian perkhidmatan kerajaan, merangsang dan meningkatkan hasil ekonomi dan seterusnya membentuk masyarakat celik digital.

PERUTUSAN MENTERI DIGITAL

YB Tuan Gobind Singh Deo



Agenda pendigitalan Malaysia merupakan suatu usaha berterusan untuk memastikan negara tidak ketinggalan dalam arus perubahan yang kompleks dan pantas. Dalam dunia ekonomi yang semakin terhubung, pendigitalan adalah kunci untuk negara terus bersaing di persada global. Banyak negara telah maju dalam mengeksploitasi teknologi digital bagi meningkatkan produktiviti dan efisiensi. Ekonomi digital misalnya telah menjadi salah satu penggerak utama pertumbuhan ekonomi global.

Dengan perkembangan pesat penggunaan teknologi dalam penyampaian perkhidmatan, seperti e-dagang, pengkomputeran awan, *e-government* dan *fintech*, kesempatan ini harus dimanfaatkan bagi meneroka potensi pertumbuhan yang lebih ampuh melalui pendigitalan. Ekonomi digital dijangka menyumbang sebanyak 25.5 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia dan mewujudkan lebih 500,000 pekerjaan menjelang 2025. Ini merupakan suatu peluang yang tidak harus dikesampingkan malah mampu membawa negara dan masyarakat Malaysia amnya kepada satu tahap kehidupan yang lebih baik. Ini selaras dengan hasrat yang ingin dicapai melalui Ekonomi MADANI kerajaan.

Justeru, penubuhan Kementerian Digital pada tanggal 12 Disember 2023 susulan daripada rombakan kabinet sememangnya amat signifikan dan bertepatan untuk memandu dan memacu transformasi pendigitalan negara dengan lebih efektif. Peranan Kementerian Digital dalam ekosistem pendigitalan di Malaysia adalah sangat penting bagi mempercepat transformasi digital dan mendorong pertumbuhan ekonomi digital yang lebih tersusun dan memberi impak. Tiga tonggak utama dalam usaha menjadikan Malaysia sebuah negara digital ialah Kerajaan Digital, Ekonomi Digital dan Masyarakat Digital yang saling berkait rapat antara satu sama lain.

Oleh yang demikian, penghasilan Pelan Strategik Kementerian Digital ini akan memberi naratif yang lebih jelas dan holistik berkenaan hala tuju, strategi dan keberhasilan serta peranan dan tanggungjawab yang perlu dimainkan oleh semua pihak dalam kementerian ini bagi mencapai potensi tertinggi negara dalam bidang pendigitalan.

PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN DIGITAL

YBhg. Encik Fabian Bigar



Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI,

Berkat dedikasi, kerjasama, dan sokongan daripada seluruh warga kerja Kementerian Digital (KD), jabatan dan agensi di bawah KD, Pelan Strategik Kementerian Digital 2024-2025 telah berjaya diterbitkan.

Selaku kementerian baharu yang ditubuhkan pada 12 Disember 2023, Pelan Strategik ini adalah antara dokumen rujukan utama kementerian yang dibangunkan berasaskan tiga tonggak, iaitu Kerajaan Digital, Ekonomi Digital dan Masyarakat Digital. Pelan ini dirangka dan dijajarkan dengan agenda nasional seperti Rancangan Malaysia ke-12 dan Kajian Separuh Penggal RMKe-12, Malaysia MADANI, Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia dan Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara serta dasar-dasar semasa kerajaan. Manakala pada peringkat global, pelan strategik ini turut menyokong Matlamat Pembangunan Mampan atau Sustainable Development Goals (SDG) 2030.

Melalui Pelan Strategik ini, Kementerian Digital komited untuk memacu dan menjayakan agenda pendigitalan negara yang akan memberikan faedah besar khususnya peningkatan kecekapan penyampaian perkhidmatan kerajaan, manfaat limpahan hasil ekonomi melalui pendigitalan dan pembentukan masyarakat celik digital yang berdaya saing pada peringkat global.


Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam pembangunan pelan strategik ini, khususnya Pasukan Khas Pelan Strategik Kementerian, bahagian-bahagian dan semua jabatan/agensi di bawah kementerian, iaitu Jabatan Digital Negara, Jabatan Perlindungan Data Peribadi, Malaysia Digital Economy Corporation, MyDIGITAL Corporation, CyberSecurity Malaysia, Digital Nasional Berhad dan MYNIC Berhad. Saya yakin melalui kerjasama erat dan komitmen yang tinggi daripada semua pihak, sasaran yang ditetapkan dalam Pelan Strategik ini dapat direalisasikan dengan jayanya.


Ringkasan Eksekutif

Pelan Strategik Kementerian Digital 2024-2025 ialah sebuah dokumen yang memeta hala tuju organisasi melalui penetapan visi, misi, teras strategik, strategi dan inisiatif yang akan dilaksanakan dalam tempoh dua tahun akan datang.

Dokumen ini merupakan panduan komprehensif yang membantu kementerian untuk memahami arahnya, dengan mengenal pasti cabaran dan peluang dalam lingkungan fungsi organisasi serta merancang pendekatan terbaik untuk mencapai visi sebagai peneraju agenda pendigitalan negara.

Dokumen ini menggariskan lima teras strategik, lapan strategi, 36 inisiatif dan 15 program keutamaan (Flagship) dalam usaha memacu transformasi digital negara secara holistik agar berdaya saing, inklusif dan mampan.





BAB 2: PENGENALAN



Sejarah Penubuhan Kementerian Digital

Susulan rombakan kabinet pada Disember 2023, Kementerian Digital telah ditubuhkan bagi menerajui usaha transformasi digital negara. Kementerian ini dibentuk daripada kementerian sedia ada, iaitu Kementerian Komunikasi dan Digital dengan penjajaran semula fungsi digital bagi membolehkan pelaksanaan yang lebih berfokus, holistik dan berkesan.

Bagi menyokong pelaksanaan fungsi digital, dua jabatan dan lima agensi diletakkan di bawah pengurusan kementerian, iaitu Jabatan Digital Negara (JDN), Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP), Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), MyDIGITAL Corporation (MyDIGITAL), CyberSecurity Malaysia (CSM), Digital Nasional Berhad (DNB) dan MYNIC Berhad (MYNIC).

Kementerian ini telah diwujudkan secara rasmi pada 12 Disember 2023 bagi memacu agenda pendigitalan negara melalui dua sektor utama. Selanjutnya, fungsi pendigitalan dalam konteks sektor awam sebelum ini yang diterajui oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan (MAMPU) turut diperkasakan melalui penstrukturan semula MAMPU sebagai JDN, iaitu sebuah jabatan di bawah Kementerian Digital.

Pengurusan Tertinggi
Kementerian Digital



YB GOBIND SINGH DEO
MENTERI DIGITAL



YB DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG
TIMBALAN MENTERI DIGITAL



YBHG. ENCIK FABIAN BIGAR
KETUA SETIAUSAHA




YBRS. ENCIK SHAKIB BIN AHMAD SHAKIR
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (STRATEGIK DAN PENGURUSAN)




YBRS. ENCIK MA. SIVANESAN
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PEMBANGUNAN DIGITAL)


Carta Organisasi
Kementerian Digital



(Terkini sehingga 30 November 2024)

Carta Fungsi
Kementerian Digital




MENTERI
TIMBALAN MENTERI
KETUA SETIAUSAHA
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PEMBANGUNAN DIGITAL)
JDN
JPDP
MDEC
DNB
MYNIC
MYDIGITAL
CSM
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
• Mengurus hal ehwal pentadbiran dan perkhidmatan.
• Merancang, mengurus dan melaksana program utama Kementerian dan khidmat nasihat protokol.
• Merancang, melaksana, mengawal dan menilai pengurusan perkhidmatan, perjawatan, pembangunan modal insan, kenaikan pangkat, urusan prestasi dan pengurusan psikologi di peringkat kementerian.
BAHAGIAN PENGUPAYAAN DIGITAL
• Memperkasakan tadbir urus dan kolaborasi agensi awam untuk mengoptimumkan pelaksanaan dan pemantauan inisiatif pendigitalan.
• Memastikan sistem penyampaian perkhidmatan awam yang berteraskan pendekatan whole of government dan keperluan serta kehendak rakyat.
BAHAGIAN PERNIAGAAN DIGITAL
• Mengenal pasti, mengurus dan menyelaras hala tuju dan dasar/program bagi agenda memperkasakan pembangunan industri dan MSME.
• Melonjakkan pelaburan dan ekonomi digital negara.
BAHAGIAN AKULTURASI DIGITAL
• Merancang, menyelaras dan memantau dasar/program berkaitan dengan penggunaan teknologi terkini dan inovasi digital bagi mencipta dan menambah nilai ke atas teknologi digital.
• Merancang, memantau dan menyelaras dasar/program khususnya berkaitan dengan pembangunan bakat dan penerimagunaan serta pembudayaan teknologi digital dalam kalangan rakyat.
• Merancang, menyelaras dan memantau dasar/program dan pengurusan berkaitan keselamatan siber dan kebolehpercayaan digital (digital trust).
BAHAGIAN IKUBATOR DIGITAL
• Merancang, membangun dan menyelaras hal ehwal berkaitan pembangunan ekosistem digital secara bersepadu menerusi penyediaan platform pengujian (Government Experience Lab), pelaksanaan kajian berkaitan teknologi memuncul (emerging technologies).



PELAN STRATEGIK KEMENTERIAN DIGITAL 2024-2025

Fungsi dan Peranan
Kementerian Digital

1



Mempertingkatkan kecekapan perkhidmatan digital kerajaan dan kebolehcapaian oleh rakyat.

2



Mempertingkatkan prasarana digital serta akses digital untuk mengurangkan keterbatasan dan jurang literasi kepada rakyat.

3



Memperkasakan ekosistem digital dan menggalakkan pembangunan bakat digital tersedia masa hadapan seiring perkembangan teknologi digital terkini.

4



Memperkukuh institusi kawal selia data bagi meningkatkan kebolehpercayaan, ketelusan, dan akauntabiliti.

5



Memperkukuh tadbir urus dan pembangunan kapasiti digital sektor awam.

Jabatan dan Agensi
Kementerian Digital

JABATAN DIGITAL NEGARA

Peneraju transformasi perkhidmatan digital, kepintaran data dan infrastruktur digital kerajaan.

JABATAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

Peneraju kawal selia perlindungan data peribadi.

MALAYSIA DIGITAL ECONOMY CORPORATION

Peneraju pembangunan ekonomi digital melalui inisiatif berimpak tinggi, pelaburan strategik serta dasar yang inklusif dan mampan.

MyDIGITAL CORPORATION

Peneraju Majlis Ekonomi Digital dan Revolusi Perindustrian Keempat Negara (MED4IRN) dan mengoperasi Malaysia Centre for 4IR (MyCentre4IR) di Malaysia dengan kerjasama World Economic Forum (WEF).

CYBERSECURITY MALAYSIA

Peneraju pembangunan ekosistem digital yang lebih selamat, dipercayai dan berdaya tahan bagi mengukuhkan keselamatan negara, kemakmuran ekonomi dan keharmonian sosial.

MYNIC BERHAD

Peneraju penggunaan domain .MY, pengurusan dan pentadbiran infrastruktur DNS .MY global serta memperkasakan adaptasi digital pada peringkat nasional.

DIGITAL NASIONAL BERHAD

Peneraju pembangunan infrastruktur dan penerimagunaan rangkaian 5G negara.

Punca Kuasa dan Akta
Kementerian Digital



AKTA 709
Akta Perlindungan Data Peribadi 2010

Akta ini diwujudkan untuk mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial.



AKTA 562
Akta Tandatangan Digital 1997

Akta ini diwujudkan untuk memberi keyakinan dan menggalakkan orang awam melakukan transaksi elektronik yang selamat pada peringkat tempatan dan antarabangsa.

P.U.(A) 20
PERINTAH MENTERI-MENTERI KERAJAAN PERSEKUTUAN (Pindaan No.2) 2024



P.U.(A) 21
PERINTAH MENTERI-MENTERI KERAJAAN PERSEKUTUAN (Pindaan No.3) 2024



P.U.(A) 111
PERINTAH MENTERI-MENTERI KERAJAAN PERSEKUTUAN (Pindaan No.4) 2024



Pihak Berkepentingan, Pelanggan dan Rakan Strategik

Kejayaan pelaksanaan semua strategi dan inisiatif yang digariskan di dalam pelan ini adalah turut bergantung kepada kerjasama pihak yang terlibat sama ada dalaman atau luaran organisasi. Hal ini adalah kerana semua dasar yang dikeluarkan oleh kementerian akan turut memberi impak secara langsung atau tidak langsung kepada semua pihak yang terlibat. Oleh yang demikian, kepentingan dan keperluan kumpulan ini khususnya yang menerima keberhasilan atau kesan secara langsung melalui strategi dan inisiatif yang ditetapkan hendaklah diberi perhatian.

PIHAK BERKEPENTINGAN

- Parlimen
- Jemaah Menteri

PELANGGAN

- Sektor Swasta
- Agensi Kerajaan

RAKAN STRATEGIK

- Kementerian dan Jabatan/Agensi Kerajaan
- Pemain Industri
- Pertubuhan Bukan Kerajaan
- Akademia
- Agensi Antarabangsa
- Media

BAB 3: PENJAJARAN STRATEGIK

Penjajaran Strategik dengan Agenda Global dan Nasional

Pelan ini dirangka dan dijajarkan dengan agenda utama pada peringkat global dan nasional seperti Matlamat Pembangunan Mampan 2030 (Sustainable Development Goals-SDG), Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12) dan Kajian Separuh Penggal RMKe-12, Malaysia MADANI, Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (RTEDM) dan Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara. Selain itu, pelan ini turut menyokong dasar-dasar utama kerajaan seperti Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (New Industrial Master Plan-NIMP 2030) dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga (National Energy Transition Roadmap-NETR).

GLOBAL



Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals-SDG) 2030

NASIONAL



Ekonomi MADANI





Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) 2021-2025 dan Kajian Separuh Penggal




Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (RTEDM)



Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara



Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030)



Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga (National Energy Transition Roadmap – NETR)

Agenda Global





Matlamat Pembangunan Mampan SDG 9: Membina infrastruktur yang berdaya tahan, menggalakkan perindustrian yang inklusif dan mampan serta memupuk inovasi

Membangunkan infrastruktur yang berkualiti, andal, mampan dan berdaya tahan, termasuk infrastruktur serantau dan rentas sempadan, untuk menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan manusia dengan tumpuan pada akses yang saksama serta mampu milik untuk semua.

Meningkatkan akses kepada teknologi maklumat dan komunikasi dengan ketara serta berusaha menyediakan akses Internet sejagat dan mampu milik kepada negara mundur menjelang 2030.

Matlamat Pembangunan Mampan SDG 1 – 17: Pendigitalan turut menyokong pencapaian kesemua matlamat SDG yang lain.

Agenda Nasional

MALAYSIA MADANI

KEMAMPANAN
Mutu hidup seimbang berdasarkan citra Malaysia yang unik berasaskan ilmu pengetahuan dan kearifan tempatan.

KESEJAHTERAAN
Kesejahteraan ekonomi, sosial dan kelestarian alam melalui budaya ilmu dan kepelbagaian pandangan.

DAYA CIPTA
Pembaharuan dan pengupayaan modal insan bagi menjelmakan daya cipta manusia.

EKONOMI MADANI
Memperkasa Rakyat

MENAIKKAN SILING
Menstrukturkan semula ekonomi bagi meningkatkan daya saing negara

MENAIKKAN LANTAI RUMAH
Memperjuangkan keadilan sosial bagi meningkatkan darjat hidup rakyat

TATAKELOLA DAN KETANGKASAN PENYAMPAIAN
Tatakelola dan ketangkasan penyampaian bagi membina keyakinan

Agenda Nasional

Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) dan Kajian Separuh Penggal RMKe-12

Mempercepat transformasi digital dalam penyampaian perkhidmatan.

Memperkukuh pemangkin utama ekonomi berpendapatan tinggi (bakat dan pekerjaan masa hadapan, ekosistem ekonomi digital, R&D&C&I, dan kemajuan teknologi).

Memperkasakan bidang digital Malaysia dengan memberi tumpuan kepada transformasi digital, pembangunan infrastruktur, aksesibiliti, inovasi, keselamatan siber dan kecekapan perkhidmatan awam melalui teknologi digital.



Kerajaan Digital

KSP RMKe12:

- 80% perkhidmatan dalam talian dari peringkat awal ke akhir (end to end) kerajaan persekutuan
- Kedudukan 12 teratas subindeks perkhidmatan dalam talian dalam Online Service Index (OSI)
- 100% penjawat awam celik digital

Masyarakat Digital

KSP RMKe12:

- 100% liputan Internet di kawasan berpenduduk

Ekonomi Digital

KSP RMKe12:

- 25.5% sumbangan ekonomi digital kepada KDNK
- 41% sumbangan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) kepada KDNK

RMKe12:

- 90% PMKS mendigitalkan operasi perniagaan

Teras Strategik 1:
Perkhidmatan Digital Kerajaan Berpaksikan Kepuasan Rakyat

Teras Strategik 2:
Penerimagunaan Digital yang Inklusif

Teras Strategik 3:
Daya Saing dan Kelestarian Ekonomi Digital

Teras Strategik 4:
Keselamatan, Kepercayaan dan Kedaulatan Digital

Teras Strategik 5:
Kapasiti dan Tadbir Urus Digital

Agenda Nasional



Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia (RTEDM)


- Menjadikan Malaysia negara berpendapatan tinggi yang berpacukan pendigitalan dan peneraju serantau dalam ekonomi digital.



Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara

- Teras Dasar: Set pengetahuan dan kemahiran 4IR, infrastruktur digital, peraturan sesuai perubahan teknologi serta inovasi dan teknologi 4IR.

- Memandu Malaysia menuju kepada pembangunan ekonomi dan masyarakat yang inklusif, mampan dan bermakna dalam era digital yang semakin berkembang.



Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030)

- Dasar perindustrian untuk sektor pembuatan dan perkhidmatan berkaitan pembuatan untuk mengubah industri ke tahap yang lebih tinggi serta memanfaatkan trend global yang baru muncul.

Snapshot Prestasi Digital Negara

Indikator Prestasi	Ranking Mengikut Tahun	
	2022	2023
IMD World Digital Competitiveness	31/64	33/64
Digital Quality of Life Index	38/121	37/121
Global Innovation Index (GII)	36/132	36/132
	2020	2022
E-Government Development Index (EGDI)	47/193	53/193



Isu dan Cabaran

PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN DIGITAL KERAJAAN

Tahap kecekapan perkhidmatan digital kerajaan dan kesedaran rakyat terhadap pengunaan teknologi digital.

PENERIMAGUNAAN DAN AKSES DIGITAL

Jurang literasi dan keterbatasan rakyat kepada akses digital.

KELESTARIAN EKONOMI DIGITAL

Penerimagunaan digital dalam industri dan bakat digital yang berkemahiran yang perlu diperhebatkan.

KESELAMATAN DAN KEPERCAYAAN DIGITAL

Keterbatasan perundangan sedia ada yang menghadkan kesedaran serta kepercayaan terhadap teknologi digital dan keselamatan siber.

KEBERKESANAN TADBIR URUS DIGITAL

Tadbir urus sektor awam yang mengekang pelaksanaan dasar digital yang berkesan dan berimpak tinggi.

BAB 4:
HALA TUJU STRATEGIK

Pengenalan

Perkembangan teknologi hari ini semakin cepat berkembang dan mengemudi perubahan dalam dunia yang semakin terhubung secara digital. Trend ini akan terus berlanjutan pada masa hadapan. Justeru, semua pihak termasuk kerajaan, perniagaan, individu dan masyarakat perlu dilibatkan bersama-sama dalam agenda pendigitalan negara bagi memacu kemajuan berterusan dalam penggunaan teknologi digital.

Kementerian Digital ditubuhkan bagi mewujudkan ekosistem digital yang kondusif dalam menyokong pemanfaatan teknologi digital ke arah meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan kerajaan, menggandakan hasil ekonomi digital dan membentuk masyarakat celik digital yang berdaya saing. Bagi merealisasikan matlamat ini, Kementerian Digital menetapkan visi sebagai peneraju agenda pendigitalan negara berpaksikan tiga tonggak utama iaitu Kerajaan Digital, Ekonomi Digital dan Masyarakat Digital.

Peranan signifikan kementerian ini dapat dilihat melalui penyediaan infrastruktur digital yang mampan, keselamatan dan perlindungan data yang meyakinkan, pembangunan bakat dan literasi digital secara berterusan, adaptasi teknologi baharu dan memuncul, pelaburan digital serta tadbir urus digital negara yang lebih bersepadu dan berkesan.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Digital telah membangunkan Pelan Strategik Kementerian Digital 2024-2025. Pelan ini merupakan dokumen rujukan yang menggariskan arah tuju dan inisiatif strategik yang dirancang bagi menjayakan agenda pendigitalan negara. Pelan ini dibangunkan melalui penetapan Visi dan Misi yang dirancang berasaskan lima Teras Strategik, lapan Strategi, 36 Inisiatif dan 15 Program Keutamaan (Flagship) untuk dilaksanakan dalam tempoh dua tahun. Teras strategik yang dibangunkan adalah sejajar dengan agenda global dan nasional, iaitu Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dan Kajian Separuh Penggal RMKe-12, Malaysia MADANI, Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia, Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara, Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) serta Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga (National Energy Transition Roadmap-NETR).

Pelaksanaan pelan strategik ini dapat memastikan keberhasilan yang dicapai daripada setiap strategi dan inisiatif yang ditetapkan menyokong agenda utama global dan nasional serta dapat memberikan impak positif kepada negara.



Pemangkin Strategik


I-*Infrastructure*

Memperkukuh Prasarana Digital

Infrastrukur digital yang berkualiti akan mempercepatkan penerimagunaan teknologi digital dan seterusnya menyokong pertumbuhan ekonomi negara.

Kerajaan komited dalam memperkukuh ekosistem digital yang kondusif melalui pembangunan pusat data, pengkomputeran awan dan peluasan inisiatif rangkaian 5G.

Penyediaan infrastruktur digital yang berkualiti akan dapat memastikan ketersambungan akses teknologi digital yang akan menggalakkan kemajuan ekonomi dan sosial negara.



Pemangkin Strategik

C-*Cyber Resilience*

Memperkasakan Ketahanan Siber

Ancaman siber yang berkembang seiring dengan kemajuan teknologi digital menuntut peningkatan daya ketahanan siber negara.

Usaha pemantapan keselamatan siber dilaksanakan menerusi pengukuhan kerangka perundangan melalui pengukuhan aspek kawal selia merangkumi penggubalan dan pindaan akta, pembangunan peraturan, pekeliling, garis panduan, standard dan rangka kerja keselamatan siber serta pelaksanaan program keselamatan dan kesedaran digital kepada rakyat.

Langkah pemerkasaan ketahanan siber akan mewujudkan ekosistem digital selamat yang berupaya meningkatkan kepercayaan digital rakyat dan pelabur.



Pemangkin Strategik

T-*Talent*


Membangunkan Bakat Digital Tersedia Masa Hadapan

Teknologi memuncul telah mewujudkan permintaan kepada kemahiran dan kepakaran baharu.

Usaha pembangunan bakat digital berkemahiran tinggi bagi memenuhi keperluan industri dilaksanakan menerusi program pembangunan kemahiran semula (reskilling) dan peningkatan kemahiran (upskilling) bagi tenaga kerja sedia ada.

Selain itu, pelbagai program literasi digital kepada rakyat turut dilaksanakan seperti AI untuk Rakyat, SiberKASA Awareness, CyberSAFE, MY5G Ericsson Malaysia Pioneers Programme dan Etika Siber Nasional (Program Murid Sekolah).

Program literasi digital yang dilaksanakan melibatkan kumpulan tenaga kerja dan rakyat secara keseluruhannya bermatlamat untuk melahirkan bakat digital tersedia masa hadapan serta rakyat celik digital.



Visi dan Misi
Kementerian Digital



VISI

Peneraju Agenda Pendigitalan Negara




MISI

Meneraju pendigitalan negara secara holistik dan inklusif

Memperkukuh ekosistem digital negara yang dipercayai dan bertaraf dunia

Tonggak Utama



Agenda pendigitalan negara difokuskan kepada tiga tonggak utama, iaitu:

- **Kerajaan Digital**
  Transformasi digital dalam penyampaian perkhidmatan kerajaan yang merangkumi usaha meningkatkan kecekapan, keberkesanan dan kebolehcapaian perkhidmatan kerajaan bagi memenuhi keperluan dan ekspektasi rakyat yang semakin meningkat.

- **Ekonomi Digital**
  Transformasi perniagaan yang menyeluruh merentasi setiap sektor ekonomi melalui adaptasi teknologi digital. Ini termasuklah usaha menggalakkan inovasi, menarik pelaburan bernilai tinggi dan mencipta peluang pekerjaan.

- **Masyarakat Digital**
  Pembentukan masyarakat digital melalui peningkatan literasi dan penerimagunaan digital. Usaha ini turut meliputi akses kepada teknologi digital dan capaian kepada perkhidmatan penting kerajaan secara digital serta galakan penggunaan secara beretika.

Prinsip Panduan Strategik



Tadbir Urus
Tadbir urus pengurusan digital yang cekap dan berkesan.



Keselamatan dan Kepercayaan
Perkhidmatan digital yang selamat dan dipercayai melalui perlindungan data dan keselamatan siber.




Berpaksikan Rakyat
Perkhidmatan digital terbaik, mudah digunakan dan memenuhi keperluan dan kehendak rakyat.



Inklusiviti dan Kesaksamaan Akses
Perkhidmatan digital holistik dan inklusif yang boleh diakses oleh semua golongan masyarakat.



Kemampanan
Adaptasi inovasi dan teknologi digital dalam memacu pelaburan bernilai tinggi dan menyediakan infrastruktur ekonomi digital yang berdaya tahan.



Berpacukan Teknologi
Transformasi penyampaian perkhidmatan yang lebih tuntas melalui teknologi memuncul.

Hala Tuju Strategik

PELAN STRATEGIK KEMENTERIAN DIGITAL 2024-2025

5 TERAS STRATEGIK

8 STRATEGI

15 PROGRAM UTAMA

36 INISIATIF

VISI

Peneraju Agenda Pendigitalan Negara

MISI

Meneraju pendigitalan negara secara holistik dan inklusif

Memperkukuh ekosistem digital negara yang dipercayai dan bertaraf dunia

Teras Strategik 1:
Perkhidmatan Digital Kerajaan Berpaksikan Kepuasan Rakyat

Teras Strategik 2:
Penerimagunaan Digital yang Inklusif

Teras Strategik 3:
Daya Saing dan Kelestarian Ekonomi Digital

Teras Strategik 4:
Keselamatan, Kepercayaan dan Kedaulatan Digital

Teras Strategik 5:
Kapasiti dan Tadbir Urus Digital

Kerangka Strategik

VISI
Peneraju Agenda Pendigitalan Negara

MISI 1 :Meneraju pendigitalan negara secara holistik dan inklusif

MISI 2 : Memperkukuh ekosistem digital negara yang dipercayai dan bertaraf dunia

5 SASARAN KEUTAMAAN

Penyampaian perkhidmatan digital kerajaan yang lebih efisien dan memenuhi kepuasan rakyat	Peningkatan tahap literasi dan akses digital kepada rakyat	Ekosistem ekonomi digital yang lebih kukuh dan pertambahan bakat digital	Persekitaran digital yang selamat dan dipercayai	Tadbir urus digital sektor awam yang lebih bersepadu dan berimpak tinggi

TONGGAK UTAMA

KERAJAAN DIGITAL | EKONOMI DIGITAL | MASYARAKAT DIGITAL

PRINSIP PANDUAN STRATEGIK

Berpaksikan Rakyat | **Inklusiviti dan Kesaksamaan Akses** | **Kemampanan** | **Berpacukan Teknologi** | **Keselamatan dan Kepercayaan** | **Tadbir Urus**

PEMANGKIN STRATEGIK – I. C. T

I-*INFRASTRUCTURE*
Memperkukuh Prasarana Digital

C-*CYBER RESILIENCE*
Memperkasakan Ketahanan Siber

T-*TALENT*
Membangunkan Bakat Digital Tersedia Masa Hadapan

5 TERAS STRATEGIK

TS 1
Perkhidmatan Digital Kerajaan Berpaksikan Kepuasan Rakyat

TS 2
Penerimagunaan Digital yang Inklusif

TS 3
Daya Saing dan Kelestarian Ekonomi Digital

TS 4
Keselamatan, Kepercayaan dan Kedaulatan Digital

TS 5
Kapasiti dan Tadbir Urus Digital

8 STRATEGI

S1 Meningkatkan keberkesanan penyampaian digital kerajaan

S2 Mengutamakan kepuasan rakyat terhadap perkhidmatan digital kerajaan

S1 Meningkatkan tahap literasi dan penerimagunaan digital dalam memastikan keterangkuman dan kesaksamaan akses digital

S1 Menggalakkan penerimagunaan digital dan perdagangan bernilai tinggi dalam memperkasakan ekosistem ekonomi digital

S2 Menggalakkan pembangunan bakat digital tersedia masa hadapan


S1 Memperkasakan perundangan dan kawal selia keselamatan digital

S2 Memperkukuh keselamatan digital melalui penyelidikan dan pembangunan selaras dengan perkembangan teknologi digital terkini

S1 Meningkatkan kapasiti dan keupayaan tadbir urus digital merentasi sektor awam melalui pembudayaan *Digital First Mindset*

Teras Strategik 1

Perkhidmatan Digital Kerajaan Berpaksikan Kepuasan Rakyat




Teras Strategik 2

Penerimagunaan Digital yang Inklusif



Teras Strategik 3

Daya Saing dan Kelestarian Ekonomi Digital




Teras Strategik 4

Keselamatan, Kepercayaan dan Kedaulatan Digital



Teras Strategik 5

Kapasiti dan Tadbir Urus Digital



Teras Strategik dan Strategi

TERAS STRATEGIK 1 Perkhidmatan Digital Kerajaan Berpaksikan Kepuasan Rakyat	Strategi 1	Meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan digital kerajaan
	Strategi 2	Mengutamakan kepuasan rakyat terhadap perkhidmatan digital kerajaan
